

**KESAN TEKS BACAAN TERHADAP
PEMBELAJARAN BAHASA ARAB DALAM
KALANGAN PELAJAR BAHASA ARAB DI UITM**

Ibrahim Abdullah & Ab. Halim Mohamad

ABSTRAK

Pemilihan teks yang sesuai dengan pengalaman pelajar merupakan asas yang perlu diberi perhatian dalam pengajaran Bahasa. Teks yang susah akan membuatkan pelajar kurang berminat untuk mempelajari bahasa tertentu, sebaliknya teks yang mudah difahami akan membantu pelajar menguasai bahasa dan meningkatkan minat mereka. Tujuan kajian ini ialah untuk mengenalpasti sejauh mana teks bacaan mudah yang dikaitkan dengan pengalaman pelajar yang sedia ada dapat memberi kesan kepada minat mereka dalam mempelajari Bahasa Arab. Kajian ini dijalankan ke atas 50 orang pelajar yang telah mengikuti kursus Bahasa Arab pada peringkat permulaan. Kajian menggunakan dua teks bahasa Arab yang berbeza, pertama teks bahasa Arab yang mengandungi 50% jumlah perkataan pinjaman Arab dalam bahasa Melayu seperti *ustaz, madrasah, kitab, kalam*, dan sebagainya. Kedua, teks Bahasa Arab yang tidak mengandungi kata pinjaman Arab yang diMelayukan. Pelajar diminta membaca dan memahami maksud teks kemudian menjawab soal selidik yang disertakan. Hasil kajian mendapati bahawa mereka boleh membaca teks pertama dan dapat menjawab soalan dengan agak baik. Sebaliknya mereka didapati lemah membaca teks kedua dan gagal menjawab soalan yang kemukakan. Kajian ini membuktikan juga bahawa pembelajaran harus bermula daripada yang mudah kepada yang sukar dan daripada yang diketahui kepada yang tidak diketahui.

Kata kunci: kesan, teks bacaan Arab, pembelajaran bahasa, minat, pengalaman pelajar.

**EFFECT OF READING TEXT IN LEARNING ARABIC
AMONG ARABIC STUDENTS IN UITM**

Selection of the appropriate text with the student experience is the foundation of concern in the language teaching. Difficulties

of text will cause the students not interested to learn a certain language, otherwise the text easily understandable will help students to master the language and increase their interest. The purpose of this study was to identify how far easy Arabic text reading that were associated with the existing students experience can affect their interest in learning Arabic. The study was conducted on fifty undergraduate students who were taking an introductory Arabic language class at one of the largest university in Malaysia. This study manipulated the text difficulty at two levels: text contained almost 50% of Arabic words that are often used in the Malay language (e.g: ustaz, madrasah, kitab, qalam), text that did not contain any Arabic words that are used in Malay. Students who participated in this study were required to read and understand both text and answer questions that gauge their reading comprehension. Findings of this study suggest that foreign language learning, particularly at introductory level should use of materials that gradually progresses from easy to difficult while incorporating familiar words at the beginning of the module. This will enable language learners to remain engaged with the materials and slowly develop the competency needed to acquire more advance vocabularies as they progress with the course.

Key words: *effect. Arabic text reading, language learning, interest, student's experience*

PENGENALAN


Dalam pembelajaran bahasa Arab komunikasi, kemahiran membaca merupakan salah satu kemahiran yang amat penting dan wajib dikuasai oleh para pelajar. Di UiTM, membaca teks bahasa Arab dipelajari serentak bersama kemahiran-kemahiran lain di dalam kelas. Proses pembacaan berlaku, selepas membaca teks Arab, pelajar perlu mendapatkan makna di dalam bahasa ibundanya bagi setiap perkataan Arab yang telah dibaca tadi. Setelah mendapat makna perkataan-perkataan tersebut, maka pelajar akan dapat menghuraikan maksud makna struktur ayat yang sebenar yang hendak disampaikan kepadanya. Ramai orang Islam mampu membaca al Quran dengan baik bunyinya tetapi mereka tidak faham akan maksudnya. Faktornya ialah mereka tidak mengetahui makna perkataan-perkataan tersebut. Oleh itu, kebolehan aspek kemahiran membaca teks bahasa Arab bukanlah

satu kerja yang mudah, kerana ia perlu dikuasai bersama makna-makna perkataannya sekali. Dalam erti kata lain, membaca merupakan gabungan beberapa proses yang kompleks, iaitu proses mengamati, mengingat, mendengar, menggabungkan bunyi, memindahkannya kepada sistem kognitif yang dapat diterjemahkan dan difahamkan.

PERIHAL PEMBACAAN

Lado (1964) mendefinisikan membaca sebagai “mengungkap pola-pola bahasa daripada bentuk tulisannya”. Smith (1985:3-dipetik dari Mangantar Simanjuntak) mengatakan “membaca adalah satu proses psikolinguistik yang berlaku apabila seseorang membentuk semula di dalam pemikirannya dengan sebaik mungkin (erti) yang telah diterbitkan oleh seorang penulis dalam bentuk tulisan yang kemudian dibaca oleh si pembaca tadi. Atan Long (1978) menyebutkan antara proses membaca ialah mengenal lambang, menterjemahnya kepada bunyi suara bahasa, memahami maknanya serta tahu maksudnya.

Rajah 4.1 :kompenan-kompenan kemahiran bacaan



(Sumber: Steinberg 1982:205)

Steinberg (1982:197) mendefinisikan sebagai satu bentuk komunikasi dan tujuannya ialah menerima maklumat melalui bentuk-bentuk tulisan. Ternyata, pembaca perlu mengenal lambang-lambang tulisan, menterjemahkannya kepada bunyi tertentu dan mendapatkan makna serta dapat memahami maksud yang hendak disampaikan.

Bernhardt (1991) pula menyatakan bahawa membaca melibatkan tiga prinsip asas iaitu pengecaman terhadap simbol tulisan, pemahaman makna bahan bertulis dan mentafsir maksud dari apa yang tertulis. Menurut Ab. Halim Tamuri (2010) kemahiran membaca bukan sekadar memindahkan tulisan atau simbol-simbol bunyi kepada suara sahaja, bahkan memahami apa yang dibaca. Menurut Rio Sumarni Shariffudin (2003), istilah membaca adalah merupakan satu proses bagi menggarap

makna atau memahami gabungan maklumat yang perolehi daripada teks dan pengetahuan sedia ada (latarbelakang pengalaman) yang dimiliki oleh pembaca.

PENGUASAAN KEMAHIRAN MEMBACA TEKS ARAB

Chall (1949) mentakrifkan kemampuan membaca: "The sum total (including all the interactions) of all those elements within a given piece of printed material that affect the success a group of readers have with it. The success is the extent to which they understand it, read it at an optimal speed, and find it interesting". Kemahiran membaca, ia secara langsung melibatkan perbincangan mengenai kebolehbacaan teks. Ini kerana kebolehbacaan terlibat secara langsung dengan bahan bacaan. Aras kesukaran sesebuah teks atau bahan bacaan itu dapat ditentukan oleh kebolehbacaan.

Menurut Kamaruzzaman Ab. Ghani (2011) secara langsung dengan proses membaca, kerana proses membaca melibatkan proses aplikasi, analisis, penilaian dan imaginasi. Malah menurut Pettersson (1993) sebahagian kebolehfahaman sesuatu bacaan itu berasaskan pertalian antara tahap pemahaman dan tahap kesukaran sesebuah teks bacaan. Menurut Kamaruzzaman Ab. Ghani (2011) lagi, senang atau susahya sesuatu teks itu akan menentukan tahap kefahaman seseorang pembaca.

Idea serta isi kandungan teks, sintaksis pemilihan perkataan yang mudah akan membantu meningkatkan tahap motivasi serta minat pelajar terhadap apa yang hendak dipelajari dari sesuatu bahasa. Ini kerana, pelajar akan dapat memahami teks dengan cepat dari apa yang telah dibaca.

KOSA KATA PINJAMAN DAN PENGALAMAN PENGETAHUAN LEKSIKAL

Oakland dan Lane (2004) menyatakan kemahiran membaca melibatkan dua faktor utama iaitu; pembaca dan teks. Faktor pembaca memfokuskan kepada kemampuan seorang individu untuk membaca secara lancar sama ada pembaca mempunyai pengetahuan sedia ada terhadap subjek yang dibaca, pengetahuan leksikal, atau kebiasaan terhadap bahasa, dan sama ada pembaca mempunyai motivasi terhadap subjek yang dibaca. Manakala faktor teks memfokuskan kepada sintaksis, pemilihan leksikal, idea dan kemampuan kognitif (iaitu keupayaan untuk meneka maksud teks dengan betul).

Muna dan Qasim (1983:78) menekankan pentingnya bermula dari perkara yang mudah kepada yang sukar apabila hendak menyediakan teks sukatan pelajaran bahasa Arab. Pemilihan perkataan amat penting iaitu bermula dari penyediaan teks sehingga kepada penyediaan latihan. Perkataan yang dipilih berdasarkan pengalaman serta latar belakang pelajar akan memudahkan dan mempercepatkan proses pemahaman pelajar terhadap teks yang dibaca.

Memulakan pengajaran dengan mengemukakan perkataan Arab yang sudah biasa digunakan oleh pelajar sudah pasti akan menimbulkan minat yang mendalam dalam jiwa pelajar terhadap bahasa Arab. Mereka akan merasakan ada hubungan yang kuat antara bahasa ibunda mereka dengan bahasa Arab. Ini akan melahirkan perasaan ingin mempelajari bahasa Arab secara lebih bersemangat dan bersungguh-sungguh. Suatu hakikat yang dipersetujui oleh para sarjana ialah mengemukakan perkataan yang difahami di peringkat permulaan boleh menarik perhatian pelajar berbanding perkataan asing yang tidak difahami. Adalah lebih baik di peringkat ini, guru menekankan kepada pelajar bahawa bahasa Arab merupakan bahasa yang mudah dan mempunyai kaitan yang amat rapat dengan bahasa Melayu.

Penggunaan kata pinjaman Arab akan memudahkan guru menyampaikan pengajaran diperingkat permulaan dengan lebih efektif. Seperti kata Kamarul (2010: 65) perancangan perlu dibuat untuk menyuburkan motivasi pembelajaran bahasa pelajar. Kegagalan memupuk dan membajai motivasi pembelajaran bahasa pelajar akan menyebabkan penurunan yang ketara pada tahap penggunaan SPB. Keadaan ini akan turut menjejaskan tahap pencapaian dan penguasaan bahasa pelajar.

Kata pinjaman Arab dalam bahasa Melayu boleh memainkan peranan yang besar dalam memperkayakan kosa kata dan frasa serta struktur ayat baru. Ia boleh dilakukan dengan cara menggunakan perkataan pinjaman dan diletakkan dalam konteks ayat-ayat pendek dan mudah serta dalam berbagai-bagai bentuk dan situasi. Terdapat banyak perkataan yang berkaitan dengan pembelajaran dan kehidupan seorang pelajar. Melalui teknik berikut, guru mampu meningkatkan kualiti penguasaan bahasa Arab di kalangan para pelajar. Guru boleh mengembangkan keupayaan bahasa para pelajar melalui kata pinjaman Arab daripada satu perkataan kepada frasa, dan daripada frasa kepada

ayat sehingga menjadi satu teks untuk tujuan latihan membaca bercakap melalui soalan.

Perkataan pinjaman Arab ini dapat membantu pelajar menyebut, membaca, dan menulis. Ia juga dapat membantu pelajar memahami perkataan sama ada ketika mendengar atau bercakap dengan cepat. Perkataan *masjid, ustaz, madrasah, kitab* dan lain-lain dapat difahami, dihafal, disebut, ditulis dengan mudah. Ini kerana perkataan seperti itu sudah ada dalam kotak fikiran pelajar. Pelajar hanya perlu diberi tahu bahawa perkataan itu adalah asalnya daripada perkataan Arab. Kata pinjaman tersebut jika dimasukkan dalam teks Arab semaksima yang boleh akan dapat membantu pelajar membaca dan memahami kandungan teks dengan mudah.

TEKS BACAAN YANG MUDAH DAPAT MENINGKATKAN MOTIVASI DAN MINAT PELAJAR

Apabila pelajar membaca teks bacaan yang mudah, pelajar akan cepat dan senang memahami makna serta maksud yang hendak disampaikan. Ini berlaku kerana, perkataan yang mudah dan pernah didengar atau dilihat oleh pelajar, samada yang seerti dengan bahasa ibunda atau digunakan juga untuk maksud dan makna yang lain. Perkataan yang mudah tersebut dapat memainkan peranan yang besar dalam pemerolehan bahasa pelajar. Malah ia juga dapat meningkatkan minat pelajar untuk terus belajar bahasa yang dipelajari. Mereka cepat memahami teks bacaan yang dibaca tanpa perlu mengambil masa yang lama.

Menurut Rusydi Ahmad Ta'imah (1999:65), membentuk kemahiran membaca di kalangan pelajar adalah merupakan salah satu aktiviti "*nasyat 'aqliyy*" semasa membina keperibadian berbahasa di dalam diri pelajar. Antara kepentingan kemahiran membaca terhadap pelajar ialah:

- a. Dapat membaca teks dari arah kanan ke kiri dengan mudah dan selesa.
- b. Dapat menguasai sistem fonetik yang tertulis pada teks dengan lebih mudah dan senang.
- c. Dapat mengetahui serta menguasai perkataan yang dibaca.
- d. Dapat membezakan antara makna perkataan yang dipelajari.
- e. Memahami perkataan yang berbeza bagi makna yang satu dan dekat dengannya.

- f. Memahami makna perkataan yang berbeza bagi perkataan yang serupa.
- g. Membentuk perkataan dari *siyaq* yang mudah kepada yang sukar.

SKOP KAJIAN

Skop kajian ini mencakupi kajian teks bacaan berbahasa Arab serta hubungannya dengan minat pelajar untuk mempelajari bahasa. Pertama, Teks bacaan yang mempunyai perkataan-perkataan yang bersesuaian dengan pengalaman pelajar, iaitu perkataan yang sama makna dan penggunaannya dalam bahasa ibunda, teks ini dikategorikan sebagai “teks mudah”. Kedua, teks bacaan yang hampir semuanya berbahasa Arab yang tidak terdapat persamaan dalam bahasa ibunda, teks ini dikategorikan sebagai “teks sukar”. Kajian ini menggunakan kajian tinjauan di lapangan dengan menggunakan borang soal selidik yang mengambil masa hampir satu semester bermula dari bulan April 2014 hingga Julai 2014.

OBJEKTIF KAJIAN

Tujuan kajian ini dijalankan ialah untuk mencapai objektif berikut:

- 1) Mengenalpasti sejauh mana teks bacaan mudah dapat memberi kesan kepada minat pelajar dalam mempelajari Bahasa Arab.
- 2) Menjelaskan signifikan perbezaan antara teks mudah yang mempunyai perkataan pinjaman Arab yang Arab dalam bahasa Melayu dan teks sukar iaitu teks yang tidak mempunyai perkataan pinjaman

KAEDAH KAJIAN

Kajian ini berbentuk kuantitatif. Instrumen kajian ialah terdiri daripada 50 orang pelajar ijazah Bahasa Arab Komunikasi tahun pertama di UiTM di kampus Shah Alam. Responden dipilih secara rawak. 50 pelajar telah dibahagikan kepada dua kumpulan iaitu kumpulan A dan B. Teks 1 diberikan kepada 25 pelajar di dalam kumpulan A dan teks 2 diberikan kepada 25 pelajar di dalam kumpulan B. Kesemua pelajar yang dipilih ialah daripada tahap yang sama (pelajar yang telah mendaftar kursus bahasa Arab komunikasi tahap 2 di UiTM), mereka mempunyai pencapaian bahasa arab yang sama. Pengkaji telah memilih pelajar yang sama peringkat supaya data yang dikumpul berkenaan teks akan lebih tepat, serta tiada perbezaan kompetensi pelajar mengganggu hasil dapatan kajian.

Kedua-dua teks telah diedarkan kepada pelajar oleh pengkaji dan pembantu pengkaji. Pengkaji dan pembantu pengkaji membaca dan menjelaskan setiap perkara yang harus dilakukan oleh pelajar. Pelajar diminta membaca teks yang telah diedarkan dengan berulang-ulang kali. Pengkaji telah memberi masa 20 minit untuk mereka membaca dan memahaminya. Seterusnya soal selidik telah diedarkan kepada pelajar. Tujuan soal selidik ini ialah untuk mengukur pemboleh ubah kajian seperti kefahaman, minat belajar, kebolehbacaan, rasa mudah menguasai makna, pantas atau kelancaran dan motivasi untuk belajar bahasa arab.

Dua teks yang digunakan dalam kajian ini. Pertama, teks “Solat” yang mengandungi 25 (56%) perkataan pinjaman Arab yang dipinjamkan dalam bahasa Melayu yang diguna secara berulang-ulang. Teks kedua agak susah dan berkaitan “Persediaan Menyambut Aidil Adha” yang dipetik surat khabar al Ahram, Mesir cetakan 2013. Contoh teks (1) dan teks (2) seperti berikut:

الصَّلَاةُ (Teks 1)

لَقَدْ فَرَضَ اللَّهُ الصَّلَاةَ عَلَى الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ خَمْسَ مَرَّاتٍ فِي الْيَوْمِ، وَهِيَ صَلَاةُ الصُّبْحِ وَالظُّهْرِ وَالْعَصْرِ وَالْمَغْرِبِ وَالْعِشَاءِ. صَلَاةُ الظُّهْرِ وَالْعَصْرِ وَالْعِشَاءِ أَرْبَعُ رَكَعَاتٍ، وَصَلَاةُ الْمَغْرِبِ ثَلَاثُ رَكَعَاتٍ، وَصَلَاةُ الصُّبْحِ رَكَعَتَيْنِ. وَفِي يَوْمِ الْجُمُعَةِ يُؤَدِّي الْمُسْلِمُونَ صَلَاةَ الْجُمُعَةِ نِيَابَةً عَنِ صَلَاةِ الظُّهْرِ. وَقَبْلَ آدَاءِ الصَّلَاةِ، يَتَوَضَّأُ الْمُسْلِمُونَ. وَلِلصَّلَاةِ أَرْكَانٌ، وَهِيَ الْقِيَامُ وَتَكْبِيرَةُ الْإِحْرَامِ وَقِرَاءَةُ سُورَةِ الْفَاتِحَةِ وَالرُّكُوعُ وَالسُّجُودُ وَقِرَاءَةُ التَّحِيَّةِ وَالسَّلَامِ. الصَّلَاةُ عِمَادُ الدِّينِ وَهِيَ رُكْنُ الْإِسْلَامِ الْأَوَّلِ، وَهِيَ أَوَّلُ مَا يُحَاسَبُ يَوْمَ الْقِيَامَةِ. وَصَلَاةُ الْجَمَاعَةِ فِي الْمَسْجِدِ أَفْضَلُ مِنْ صَلَاةِ الْفَرْدِ فِي الْبَيْتِ بِسَبْعٍ وَعِشْرِينَ دَرَجَةً، لِأَنَّهَا تُقَوِّي عِلَاقَةَ الْمَحَبَّةِ وَالْأُخُوَّةِ. (92 perkataan)

Jadual (1): Senarai Kata Pinjaman Arab

Perkataan Arab	Kata Pinjaman	Perkataan Arab	Kata Pinjaman
الله	Allah	سورة	surah
تكبيرة الإحرام	Takbir Ihram	أول	Awal (pertama)
فرض	fardu	عصر	Asar
صلاة	Salat	مغرب	Maghrib
مسلمين	Muslimin	عشاء	Isya'
مسلمات	Muslimat	ركعات	Rakaat
صبح	Subuh	جمعة	Jumaat
ظهر	zohor	ركن	Rukun

قِيَام	Qiyam	فَاتِحَة	Fatihah
تَكْبِيرَة	Takbir	رُكُوع	Ruku'
سُجُود	Sujud	قِيَامَة	Qiyamat
نَحْيَة	Tahiyat	جَمَاعَة	Jamaah
مَسْجِد	Masjid	دَرَجَة	Darjat
مَحَبَّة	Mahabbah	أُخُوَّة	Ukhuwwah

Teks (2)

إِسْتِعْدَادًا لِعِيدِ الْأَضْحَى اللَّحُومِ فِي الشُّوَادِرِ وَالْمَجْمَعَاتِ بِأَسْعَارٍ مُخَفَّضٍ
الدُّكْتُورُ حَنَفِيٌّ وَزَيْرٌ التَّمَوِينِ يُؤَكِّدُ أَنَّهُ سَيِّمَ طَرَحَ كَمِّيَّاتٍ كَبِيرَةٍ مِنَ اللَّحُومِ
الْبِرَازِيلِيَّةِ، وَالسُّودَانِيَّةِ، وَالْإِنْدُونِيَّةِ، وَأَنْوَاعٍ أُخْرَى مَذْبُوحَةٍ، وَمُحَمَّدَةَ، وَمُبْرَدَةَ، وَجَمِيعَ السَّلْعِ الْغِذَائِيَّةِ
الْأَسَاسِيَّةِ مِنْ سُكَّرٍ، وَزَيْتٍ، وَأَرْزٍ، وَدَقِيقٍ، وَغَيْرُهَا بِالْمَجْمَعَاتِ الثَّلَاثَةِ وَهِيَ: النَّبْلُ وَالْأَهْرَامُ
وَالْإِسْكَانْدَرِيَّةُ، وَفُرُوعُ شِرْكَتِي الْجُمْلَةَ بِتَخْفِيفَاتٍ كَبِيرَةٍ فِي الْأَسْعَارِ عَنْ مِثْلَاتِهَا بِالْأَسْوَاقِ، لَأَفْتًا إِلَى
أَنَّهُ سَيَجْرِي إِقَامَةُ مَعَارِضٍ وَشُوَادِرٍ لِلْحُومِ الْبَلَدِيَّةِ الْحَيَّةِ وَالْمَذْبُوحَةِ وَالْمُحَمَّدَةَ بِالتَّنْسِيقِ مَعَ وَزَارَتِي
الزَّرَاعَةِ وَالْإِسْتِثْمَارِ. (73 perkataan).

DAPATAN KAJIAN

Analisis sehalah antara kumpulan-variens multivariat telah dijalankan untuk menyiasat jenis teks bahasa Arab dan dalam pilihan pembelajaran. 7 pembolehubah bersandar telah digunakan; kefahaman, pembacaan, kebolehpupayaan, minat, cepat, mudah dan motivasi. Pembolehubah bebas adalah gaya teks yang berbeza. Ujian andaian awal telah dijalankan untuk memeriksa keadaan normal, kelinearan, data terpencil univariat dan multivariat, kehomogenan matriks varians-kovarians, dan multikolinearan, tanpa pelanggaran serius diperhatikan.

Terdapat perbezaan statistik yang signifikan antara pelajar yang telah diberi teks 1 dan teks 2 pada pembolehubah bersandar digabungkan, $F(6,43) = 410.8$, $p < .001$; Lambda Wilk ini .02; eta kuasa dua separa = .98. Apabila keputusan untuk pembolehubah bersandar dianggap secara berasingan, satu-satunya perbezaan untuk mencapai kepentingan statistik, menggunakan tahap alpha Bonferroni diselaraskan daripada 0,007 adalah semua pemboleh ubah bersandar; Faham, $F(1, 48) = 627,2$, $p < .001$, eta kuasa dua separa = .93. Baca, $F(1, 48) = 599,0$, $p < .001$, eta kuasa dua separa = .93. Makna, $F(1, 48) = 661,8$, $p < .001$, eta kuasa dua separa = .93. Makna, $F(1, 48) = 661,8$, $p < .001$, eta kuasa dua separa = .93. Minat, $F(1, 48) = 486,7$, $p < .001$, eta kuasa dua separa = .91. Pantas, $F(1, 48) = 627,2$, $p < .001$, eta kuasa dua separa = .93. Mudah, $F(1, 48) = 888,3$, $p < .001$, eta kuasa

dua separa = .95. Motivasi, $F(1, 48) = 450,5$, $p < .001$, eta kuasa dua = separa 0,90.

Pemeriksaan ke atas skor min menunjukkan bahawa pelajar-pelajar yang telah diberi teks 1 melaporkan tahap signifikan yang lebih tinggi terhadap kefahaman ($M = 4.72$, $SD = .46$), pembacaan ($M = 4.60$, $SD = .5$), makna ($M = 4.68$, $SD = .48$), Minat ($M = 4.64$, $SD = .49$), cepat ($M = 4.72$, $SD = .46$), mudah ($M = 4.80$, $SD = .41$) dan motivasi ($M = 4.80$, $SD = .65$) berbanding dengan pelajar yang menerima teks 2; faham, ($M = 1.4$, $SP = .49$), baca ($M = 1.36$, $SD = .46$), makna ($M = 1.28$, $SD = .46$), minat ($M = 1.52$, $SD = .51$), cepat (1.36 , $SD = .49$), mudah ($M = 1.24$, $SD = .44$), motivasi, ($M = 1.36$, $SD = .49$).

Jadual (2): Perbezaan Skor Antara Teks 1 dan Teks 2

DV	df	df error	F	Text	Means	Lower Bound	Upper Bound
Faham	1	48	627.2	1	4.72	4.53	4.91
				2	1.36	1.17	1.55
Baca	1	48	599.0	1	4.60	4.41	4.79
				2	1.28	1.01	1.47
Makna	1	48	661.8	1	4.68	4.49	4.87
				2	1.28	1.09	1.47
Minat	1	48	486.7	1	4.64	4.44	4.84
				2	1.52	1.32	1.72
Cepat	1	48	627.2	1	4.72	4.53	4.91
				2	1.26	1.17	1.55
Mudah	1	48	888.4	1	4.80	4.63	4.97
				2	1.24	1.07	1.41
Motivasi	1	48	450.5	1	4.80	4.57	5.0
				2	1.36	1.13	1.59

RUMUSAN

Pembaca kadangkala menghadapi kesukaran dalam mendapat maklumat daripada teks pembacaan. Hal ini adalah disebabkan oleh tahap kebolehbacaan teks yang tidak sesuai dengan pembaca. Kajian ini telah menghasilkan dapatan kajian yang menarik. Antaranya, terdapat perbezaan yang signifikan antara teks mudah iaitu teks yang mempunyai perkataan pinjaman dalam bahasa ibunda dan teks sukar iaitu teks yang tidak mempunyai perkataan pinjaman. Teks yang mempunyai perkataan pinjaman telah menunjukkan hasil yang signifikan dari segi memahami teks, kelancaran pembacaan, minat,

memahami makna serta meningkatkan motivasi. Sepanjang kajian terhadap teks pertama dan teks kedua, dapatan menjelaskan bahawa min pembolehubah (faham, baca, makna, minat, cepat, mudah dan motivasi) bagi teks pertama iaitu teks yang mempunyai perkataan pinjaman lebih tinggi dan signifikan berbanding teks kedua iaitu teks tanpa perkataan pinjaman.

RUJUKAN

- Bernhardt E. B. (1991). Reading development in a second language: Theoretical, empirical and classroom perspectives. New Jersey: Ablex Publishing Corporation Chall, J. S. and E. Dale. 1995. *Readability revisited, the new Dale-Chall readability formula*. Cambridge, MA: Brookline Books.
- Dale, E. and J. S. Chall. (1949). "The concept of readability." *Elementary English* 26: 23.
- Gretchen Hargis (1998). Developing Quality Technical Information. Upper Saddle River NJ: Prentice Hall/IBM. Ch. 2 and 4.
- Hargis, G., A. K. Hernandez, P. Hughes, J. Ramaker, S. Rouiller, and E. Wilde. (1998). *Developing quality technical information: A handbook for writers and editors*. Upper Saddle River, NJ: Prentice Hall.
- Kamarudin Husin. (1993). Perkaedahan mengajar bahasa. Kuala Lumpur: Kumpulan Budiman Sdn. Bhd.
- Kamaruzaman Abd Ghani. (2011). Kebolehbacaan Buku Teks Bahasa Arab Tinggi Berasaskan Ujian Kloz Dalam Kalangan Pelajar Di SMKA. *GEMA Journal of Language Studies*. Volume 11(2).
- Kamarulzaman Abdul Ghani, Hassan Basri Awang Mat Dahan, Nik Mohd Rahimi Nik Yusoff. (2009). Penggunaan ujian kloz dalam mengukur kebolehbacaan teks Arab untuk pembaca bukan Arab di Malaysia: Satu kajian rintis. *Journal of Islamic and Arabic Education*, 2(1).
- Kamarulzaman Abdul Ghani & Hassan Basri Awang Mat Dahan. (2010). An assessment of readability of a book from technical presentation: An investigation on form four Arabic textbook in Malaysia (Arabic version). *Jurnal of Reading and Knowledge*. Ain Sham University, Egypt, 102, 175-216
- Kamaruzzaman Ab. Ghani. 2011. Kebolehbacaan buku teks bahasa arab tinggi berasaskan ujian kloz dalam kalangan pelajar di smka. *Jurnal bahasa dalam GEMA online* (siri 11(2)).
- Klare, G. R. 1963. *The measurement of readability*. Ames, Iowa: Iowa State University Press.
- Klare, G. R. (1976). "A second look at the validity of the readability formulas". *Journal of Reading Behaviour*, 8.
- McLaughlin, G. H. 1969. "SMOG grading – a new readability formula," *Journal of reading*.

- Muna Habib dan Qasim Sya'ban. 1983. *Tadris al- Lughah al- Arabiyyah fi al- Marhalah al-ibtidaiyyah fi al-bilad al-Arabiyyah*. Beirut: Dar al-Kitab al-Lubnani.
- Nik Mohd Rahimi Nik Yusof, Kamaruzzaman Ab. Ghani & Mowaffak Abdullah al-Qusyairi. 2008. *Fann al-Tadris al-Lugah al-Arabiyyah li Ghair al-Arab*. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Nik Mohd Rahimi Nik Yusof, Kamaruzzaman Ab. Ghani & Mowaffak Abdullah al-Qusyairi. 2008. *Fann al-Tadris al-Lugah al-Arabiyyah li Ghair al-Arab*. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Oakland, T. and Lane, H.B., 'Language, Reading, and Readability Formulas: Implications for Developing and Adapting Tests', *International Journal of Testing*, 2004, Vol. 4, No. 3.
- Pettersson, R. 1993. Comprehensibility. Paper presented at The Symposium of thr International Visual Literacy Association, June 25-29. Delphi Greece. ERIC Document Reproduction Service. No. ED.
- Rusydi Ahmed Toi'mat dan Muhammad 'Ala al-Din. 2006. *Ta'lim al-Qiraah wa al-AdabIstrajiyat mukhtalifah li jjumhur mutanawwi'*. Kaherah: Dar al-Fikr al-Arabi.
- _____. (1999:68). *Ta'lim al-Kibar Takhtit Baramijih wa Tadrisu Maharatihi*. Kaherah: Dar al-Fikr al-Arabi.
- Rio Sumarni Shariffudin et. al. 2002. *Reka Bentuk Perisian Multimedia*. Johor Bharu:Penerbit Universiti Teknologi Malaysia.
- Sapiah Osman. 1990. Pendekatan metakognitif – Satu perspektif baru. Pelita Bahasa 9.

Ibrahim Abdullah (Pensyarah)
Jabatan Bahasa Arab
Akademik Pengajian Bahasa
Universiti Teknologi MARA
40450 Shah Akam, Selangor
E-mail: ibrahim970@salam.uitm.edu.my

Ab Halim Mohamad (Prof Madya Dr)
Jabatan Bahasa Asing
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi
43400 Serdang, Selangor
Universiti Putra Malaysia
E-mail: abhalim@upm.edu.my